

**KUALA LUMPUR:** Kerajaan memperuntukkan lebih RM11 bilion kepada Sabah dan Sarawak dalam Bajet 2004 untuk membiayai pelbagai program pembangunan di kedua-dua negeri itu.

Ketika membentangkan Bajet 2004 di Dewan Rakyat kelmarin, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad (gambar) berkata Sabah diperuntukkan sebanyak RM5.9 bilion manakala Sarawak RM5.5 bilion.


Dr Mahathir, yang juga Menteri Kewangan, menggambarkan sepintas tahap pembangunan yang akan dinikmati kedua-dua negeri itu, khususnya sistem jalan raya yang lebih luas yang menghubungkan bandar-bandar utama.

Katanya semua bandar di Sabah akan dapat dihubungi melalui jalan darat apabila projek-projek dalam pelaksanaan siap, tidak seperti sekarang yang kadangkala terpaksa melalui jalan udara atau air.

Di Sarawak, beberapa rangkaian jalan utama baru sedang dilaksanakan untuk memudahkan perhubungan bukan sahaja dalam Sarawak tetapi juga di antara Sarawak dan Sabah.

Dr Mahathir berkata kera-

# Peruntukkan lebih RM11b untuk Sabah, Sarawak



jaan akan menaikkan taraf Lapangan Terbang Kuching bagi memperbaiki lagi pengangkutan udara manakala lapangan terbang Tawau, Bintulu dan Miri baru disiapkan dan boleh menampung pendaratan pesawat Airbus

330.

Katanya Pelabuhan Bintulu dan Kuching pula sedang diperbesar manakala sebuah pelabuhan baru di Semalanjau akan dibina untuk menampung keperluan industri aluminium smelting, pelaburan daripada negara Timur Tengah yang juga akan menggunakan sebahagian besar tenaga elektrik dari projek Hidroelektrik Bakun.

Di sektor pendidikan, kedua-dua negeri itu mendapat peruntukan yang besar bagi melaksanakan projek-projek seperti Fasa Dua Universiti Malaysia Sabah dan pembinaan kampus tetap Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) di Samarahan.

Kerajaan juga telah mengambil alih Pusat Perubatan Sabah daripada pihak swasta

dan dinaik taraf untuk dijadikan sebuah hospital utama di Kota Kinabalu ke arah meningkatkan lagi mutu perkhidmatan kesihatan kepada rakyat.

Mengenai bekalan air, Dr Mahathir berkata kerajaan telah melaksanakan program bekalan air luar bandar terutama untuk sekolah-sekolah dengan menggunakan sistem takungan air hujan dan kolam tiub.

Setakat ini, hampir 700 buah sekolah di Sabah dan Sarawak telah dikenalpasti untuk mendapat kemudahan ini dengan kos sebanyak RM242 juta.

Kesemua tindakan itu adalah sementara menunggu projek-projek bekalan air utama dilaksanakan, katanya. - Bernama